

Bagi menyekat pengaruh ideologi kumpulan militan ini, Kerajaan juga dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium termasuklah media sosial untuk disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrim yang menjurus ke arah kegiatan militan. Sebagai contoh, Program penerangan kepada golongan belia seperti Program Belia Benci Keganasan diadakan dengan kerjasama NGO dan Polis DiRaja Malaysia kepada para pelajar sekolah, universiti dan NGO.

Umum mengetahui bahawa penyebaran ideologi kumpulan Daesh lebih tertumpu kepada penyalahgunaan kemudahan internet seperti media sosial. Oleh itu, kerjasama antara pihak PDRM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial yang menjadi medium komunikasi golongan belia agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang.

Selain itu, Kerajaan telah memperkasakan legal framework dalam membendung ancaman keganasan ini dengan penggubalan undang-undang seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA), Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dan Akta Kesalahan Kesematan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) bagi memastikan mereka ini dihadapkan ke muka pengadilan di atas perbuatan mereka. Mereka yang ditahan akan menjalani program pemulihan secara bersepadu melalui Modul Pemulihan Bersepadu dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan seperti pihak polis, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri sendiri serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Manakala bagi menjawab soalan (b) Ahli Yang Berhormat Putatan, penglibatan Malaysia di dalam *Organisation of Islamic Country* (OIC) adalah dibawah bidangkuasa Kementerian Luar Negeri.